

# Gabung program sains, seni

■ Lahir graduan berkualiti, berdaya saing dan kreatif

Oleh Khairul Najib  
Asarulhan Khan  
am@hmetro.com.my  
Nilai

Institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini wajar menggabungkan program sains dan seni bagi melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing dan kreatif.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, Profesor Datuk Dr Asma Ismail berkata, gabungan dua program berkenaan mampu meningkatkan pengetahuan pelajar dalam usaha mendalami kemahiran serta per-

**FAKTA**  
Dalam usaha  
perbanyakkan  
gabungan  
program sains  
dan seni di semua  
IPT



DR Asma (lima dari kiri) bersama penceramah jemputan selepas merasmikan majlis penutup Seminar Antarabangsa Seni Dalam Pembangunan Manusia di Era Baru 2015 di Dewan Kuliah Pusat 3, USIM, semalam.

kongsian maklumat.

Katanya, ia juga menjadikan pelajar mencintai seni yang akhirnya membudayakan seni budaya yang baik kepada masyarakat.

"Di negara ini, seni ditafsirkan sebagai hiburan te-

tapi di luar negara, ia dilihat sebagai komponen penting bagi menggarap kreativiti.

"Sehubungan itu, amat penting program berbentuk seni dan sains digabungkan bagi meningkatkan keupayaan pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian, dalam sidang media selepas

merasmikan Majlis Penutup Seminar Antarabangsa Seni Dalam Pembangunan Manusia di Era Baru (INSART) 2015 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), semalam.

Seminar tiga hari itu disertai 200 pelajar USIM dan penceramah jemputan yang membicarakan hakikat seni

secara ilmiah dan akademik, selain memperkukuhkan kefahaman peserta mengenai seni di luar konteks hiburan.

Dr Asma berkata, pihaknya kini dalam usaha memperbanyakkan gabungan program sains dan seni di semua IPT dalam negara.